



19 FEB, 2026

Polis buru empat lelaki curi kabel



Kosmo, Malaysia



TANGKAP layar kes kecurian kabel berhampiran Pangsapuri D'Kayangan Setia Ecohill, Semenyih kelmarin.

Polis buru empat lelaki curi kabel

KAJANG – Polis giat mengesan empat lelaki yang disyaki terlibat dalam kes curi kabel berdekatan Pangsapuri D'Kayangan Setia Ecohill, Semenyih di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kes kecurian itu sekitar pukul 6.54 pagi.

"Siasatan mendapati kejadian melibatkan empat lelaki tidak

dikenal pasti yang menggunakan sebuah kenderaan warna kelabu sedang memotong kabel dipercayai milik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Kesemua suspek telah melarikan diri selepas ditegur oleh penduduk setempat," katanya dalam kenyataan semalam.

Naazron berkata, polis sedang mengesan suspek yang terlibat dan kes disiasat di bawah Seksyen 431A Kanun Keseksaan.

Katanya, mana-mana pihak yang mempunyai maklumat mengenai kejadian boleh berhubung dengan Pegawai Penyiasat Kes, Sarjan Nadzul Majdi Abu Seman di talian **017-4661757**.

"Orang ramai juga boleh terus menghubungi talian NG MERS 999 atau Pusat Kawalan Polis Daerah Kajang di talian **03-89114243** jika melihat atau mempunyai maklumat sebarang perbuatan jenayah," katanya.